



Orientasi Integratif dan Instrumental Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing di Universiti Goethe, Frankfurt

Integrative and Instrumental Orientation in Learning Malay as a Foreign Language at Goethe University, Frankfurt

Robe'ah Yusuf¹* & Hedy C.Holzwarth²

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tg. Malim, Perak, Malaysia.

²Institut für Sprach- und Kulturwissenschaften, Goethe-Universität Frankfurt am Main, Deutschland.

¹*Corresponding author: robe_ah@fbk.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.13.2025>

Abstract

Identifying the factors influencing the interest, motivation, and attitudes of students at Goethe University, Frankfurt, toward learning Malay as a foreign language with a focus on integrative and instrumental orientations. This study involves a questionnaire distributed to students to collect quantitative data on their interest, attitudes and motivation in learning Malay. The data were analyzed using percentages to determine the prevalence of each factor. This study found that students' interest in Malay was 12.5%, while attitude and motivation each recorded 16.67%. Interest was related to a desire to deepen understanding of the language and its sounds. Positive attitudes were reflected in the use of Malay both inside and outside the classroom, and primary motivations were career opportunities and academic needs. There was a balance between integrative orientation, driven by interest in Malay culture and instrumental orientation, focused on practical benefits such as employment and academic advancement. This study suggests the need for a balanced Malay language curriculum incorporating cultural elements and practical benefits to meet students' orientations. It further recommends opportunities for using Malay in daily life to boost communication confidence and emphasizes the role of Malay in employment opportunities. This study also provides guidance for further research on teaching Malay at the international level. This study highlights the factors influencing international students' interest, attitudes and motivation toward Malay, employing an approach that combines integrative and instrumental orientations. The findings provide guidance for researchers and educators in designing more effective Malay language instruction aligned with student motivations.

Keywords: *attitude, career opportunities, interest, motivation, native speakers*

Abstrak

Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat, motivasi dan sikap pelajar di Universiti Goethe, Frankfurt terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dengan memfokuskan pada orientasi integratif dan instrumental. Kajian ini melibatkan soal selidik yang diedarkan kepada pelajar untuk mengumpul data kuantitatif mengenai minat, sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu. Data dianalisis menggunakan peratusan untuk menentukan prevalensi setiap faktor. Kajian ini mendapati bahawa faktor minat pelajar terhadap bahasa Melayu adalah 12.5%, manakala sikap dan motivasi masing-masing mencatatkan 16.67%. Minat pelajar berkait dengan keinginan mendalami bahasa dan bunyinya, sikap positif terzahir melalui penggunaan bahasa Melayu di dalam dan luar kelas serta motivasi utama mereka adalah untuk peluang pekerjaan dan keperluan akademik. Terdapat keseimbangan antara orientasi integratif yang didorong oleh minat terhadap budaya Melayu dan orientasi instrumental yang berfokus pada manfaat praktikal seperti pekerjaan dan akademik. Kajian ini mencadangkan perlunya kurikulum bahasa Melayu yang seimbang dengan elemen budaya dan manfaat praktikal untuk memenuhi orientasi pelajar. Selain itu turut mengesyorkan peluang penggunaan bahasa Melayu



dalam kehidupan harian untuk meningkatkan keyakinan komunikasi serta menekankan peranan bahasa Melayu dalam peluang pekerjaan. Kajian ini juga memberi panduan untuk penyelidikan lanjut dalam pengajaran bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Kajian ini menyoroti faktor-faktor yang mempengaruhi minat, sikap dan motivasi pelajar antarabangsa terhadap bahasa Melayu dengan pendekatan yang menggabungkan orientasi integratif dan instrumental. Dapatan kajian ini memberi panduan kepada penyelidik dan pendidik untuk merancang pengajaran bahasa Melayu yang lebih efektif sesuai dengan motivasi pelajar.

Kata Kunci: minat, motivasi, peluang kerjaya, penutur natif, sikap

Pengenalan

Gardner (1985) menegaskan bahawa sikap positif memperkuat komitmen pelajar dalam mempelajari bahasa sasaran, sementara sikap negatif boleh menghalang pembelajaran. Selain itu, minat dan motivasi juga memainkan peranan dalam mencapai kejayaan bahasa (Azlina, 2009). Kajian oleh Mariyati, Robe'ah dan Norhana (2016) menyarankan penyelidikan yang lebih mendalam bagi memahami komponen sikap, minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa asing (Csizér & Dörnyei, 2005) dan pembelajaran bahasa melibatkan orientasi integratif dan instrumental (Azlina, 2009). Gardner dan Lambert (1972) mendefinisikan, orientasi integratif sebagai usaha untuk menguasai bahasa demi integrasi budaya, manakala orientasi instrumental lebih tertumpu kepada manfaat praktikal seperti peluang kerjaya. Kajian terdahulu menunjukkan orientasi integratif sering dikaitkan dengan pencapaian yang lebih tinggi (Dörnyei, 1990; Masgoret & Gardner, 2003). Namun, dalam konteks tertentu, orientasi instrumental juga memberi motivasi kuat khususnya bagi tujuan kerjaya atau akademik (Noels, Pelletier, Clément & Vallerand, 2000; Lamb, 2004). Kajian ini memfokuskan faktor minat, sikap dan motivasi pelajar Universiti Goethe, Frankfurt dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Bahasa Melayu merujuk kepada bahasa Indonesia yang wajib dipelajari di *Institut für Sprach- und Kulturwissenschaften*. Kajian ini juga menyelidiki peranan orientasi integratif dan instrumental dalam pembelajaran bahasa Melayu, menekankan kepentingan kedua-dua orientasi dalam menyokong kejayaan pembelajaran bahasa. Oleh itu, kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat, sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu di Universiti Goethe, Frankfurt
- Menggolongkan jenis orientasi (integratif dan instrumental) yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Universiti Goethe

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data yang komprehensif mengenai minat, sikap dan motivasi pelajar serta peranan orientasi integratif dan instrumental dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Dapatan

Dapatan pertama dipersembahkan seperti jadual di bawah:

Faktor	Item	Peratusan (%)
Minat	Cadangan belajar hingga ke tahap lebih tinggi	25
	Minat pada nada bunyi bahasa Melayu	20
	Keinginan melawat negara penutur bahasa Melayu	16
Sikap	Penggunaan kemahiran bahasa di dalam dan luar kelas	23

bersambung



Motivasi	Penguasaan meningkatkan keyakinan berkomunikasi	20
	Peluang pekerjaan	21
	Kemampuan berkomunikasi dengan masyarakat tempatan	18
Purata peratusan	Minat	12.5
	Sikap	16.67
	Motivasi	16.67

Nota. Lima faktor utama yang mempengaruhi minat dan sikap pelajar ialah cadangan untuk belajar bahasa Melayu hingga ke tahap lebih tinggi, penggunaan kemahiran di dalam dan luar kelas, minat terhadap nada bunyi bahasa, motivasi peluang pekerjaan dan keyakinan berkomunikasi dengan penutur asli.

Menariknya, minat terhadap bahasa Melayu dalam kalangan responden menunjukkan mereka mahu belajar bahasa Melayu sehingga ke peringkat yang lebih tinggi kerana mendapati para pensyarah dan petugas di jabatan mereka kebanyakannya boleh menguasai bahasa Melayu dengan amat baik (dapatan temu bual-tidak dibincangkan dalam penulisan ini). Hal ini turut menyumbang kepada sikap mereka sendiri yang berusaha menggunakan bahasa Melayu di luar kelas yang boleh didapati menerusi pemerhatian oleh penyelidik. Sewaktu penyelidik berada di dalam kuliah mereka turut berbual dengan penyelidik menggunakan bahasa Melayu dan begitu juga di luar kelas seperti di restoran, di perpustakaan dan di tempat sembahyang iaitu di *Haus der Stille (House of Silence)* yang terletak di Campus Westend, Goethe University Frankfurt.

Selain itu, dapatan ini memperlihatkan perbezaan dapatan kajian yang diperolehi daripada responden di Jerman berbanding dengan responden di Malaysia oleh Mariyati e.t al (2016) yang mendapati bahawa minat mempelajari bahasa Melayu kerana faktor nada bunyi yang menarik. Hal ini menunjukkan pengetahuan bahasa Jerman itu membantu dalam mempelajari bahasa Melayu kerana kedua-duanya dibaca dengan suku kata. Walaupun penulisan ini tidak membincangkan dengan terperinci data temu bual, namun kenyataan ini mengesahkan responden berminat terhadap bahasa Melayu kerana nada yang menarik dan bacaan suku kata yang mirip dengan bahasa Melayu. Manakala dalam kajian di Malaysia mendapati faktor ini berada di tangga terbawah dalam pilihan responden (4%) (Mariyati et.al, 2016). Tidak dinafikan, mempelajari bahasa Melayu boleh membuka peluang pekerjaan di dalam dan luar negara (Azlina, 2009). Hal ini turut mempengaruhi faktor-faktor yang menjadi pilihan responden terhadap motivasi dalam mempelajari bahasa Melayu sejajar dengan kajian Lai.C, (2005) dan Lai (2013). Memandangkan banyak tawaran biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di Asia Tenggara khususnya dari Pemerintah Indonesia dan kolaborasi Kerajaan Jerman, para responden bermotivasi untuk mempelajari bahasa Melayu (bahasa Indonesia di Indonesia) (Beasiswa Darmasiswa, Laman Sesawang Rasmi Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset dan Teknologi Republik Indonesia (Kemendikbud Ristek, 2024).

Seperti yang diketahui umum, bangsa Eropah khasnya orang Jerman berminat mendalami budaya dan berusaha meningkatkan keyakinan diri untuk bertutur dengan penutur natif sebagai sebahagian proses pembelajaran. Model *Hofstede's Cultural Dimensions* misalnya, sering digunakan untuk memahami dan membandingkan budaya dari pelbagai negara. Sikap bangsa Eropah terhadap budaya Asia khususnya Malaysia dan Indonesia dapat dianalisis melalui beberapa dimensi budaya yang diperkenalkan oleh Geert Hofstede (Hofstede, 1987). Orang Eropah dikatakan sering tertarik untuk mempelajari dan “memahami” budaya Asia termasuk Malaysia dan Indonesia kerana perbezaan yang ketara dalam nilai-nilai sosial dan adat resam. Bagi mereka, budaya Asia menawarkan perspektif yang kaya dan berbeza daripada budaya Barat terutamanya dalam aspek-aspek seperti penghormatan kepada tradisi, keharmonian sosial dan kolektivisme. Namun begitu, proses “memahami” ini juga menuntut



mereka untuk menyesuaikan beberapa nilai dan sikap mereka sendiri terutamanya dalam konteks hierarki, komunikasi antara individu dan pengurusan ketidakpastian (Hofstede, 1987). Secara keseluruhannya, minat orang Eropah terhadap budaya Asia seperti di Malaysia dan Indonesia didorong oleh keinginan untuk memperluas pandangan dunia mereka dan memperkayakan interaksi budaya. Oleh itu, responden mempelajari bahasa Melayu sebagai pemangkin keyakinan diri untuk berkomunikasi dengan penutur natif. Selain itu, penyelidik telah menggolongkan data ini berasaskan kajian Lamb (2004). Bagi menunjukkan dapatan kedua, pengelasan orientasi dibahagikan kepada dua iaitu **Orientasi Integratif** dan **Orientasi Instrumental** dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dengan penerapan konsep-konsep berikut:

- i) **Orientasi Integratif** merujuk kepada motivasi untuk belajar bahasa kerana keinginan untuk memahami dan berintegrasi dengan budaya dan masyarakat yang menuturkan bahasa tersebut.
- ii) **Orientasi Instrumental** merujuk kepada motivasi yang lebih berfokus pada manfaat praktikal atau ekonomi seperti peluang pekerjaan, keperluan akademik atau peningkatan gred.

Kajian ini mendapati pelajar Universiti Goethe mempunyai orientasi integratif dan instrumental dalam pembelajaran bahasa Melayu. Bagi faktor minat, orientasi integratif meliputi minat untuk mencapai tahap lebih tinggi (25%) dan menikmati bunyi bahasa (20%), sementara orientasi instrumental melibatkan pemilihan kursus bahasa Melayu yang ditawarkan di universiti (12%). Bagi faktor sikap, orientasi integratif merangkumi penggunaan bahasa dalam aktiviti budaya (23%), sementara orientasi instrumental merangkumi usaha mencari sumber tambahan (16%). Dalam motivasi, orientasi integratif mencakupi pemahaman budaya Melayu (16%), manakala orientasi instrumental mencakupi peluang pekerjaan (21%). Ini menunjukkan keseimbangan antara keinginan untuk memahami budaya dan manfaat praktikal seperti peluang pekerjaan (Yashima, 2002; Dörnyei & Ushioda, 2009).

Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa minat, sikap dan motivasi pelajar Universiti Goethe terhadap pembelajaran bahasa Melayu dipengaruhi oleh faktor-faktor integratif dan instrumental. Pelajar berminat untuk mencapai tahap penguasaan lebih tinggi terutamanya disebabkan oleh keunikan nada bunyi dan peluang untuk melawat negara-negara penutur bahasa Melayu (minat: 12.5%). Sikap pelajar positif dengan kecenderungan menggunakan bahasa di dalam dan luar kelas (16.67%). Motivasi mereka termasuk meningkatkan peluang pekerjaan dan komunikasi dengan masyarakat tempatan di negara penutur bahasa Melayu (motivasi mencapai 16.67%). Dapatan ini penting untuk merancang strategi pengajaran yang seimbang aspek integratif dan instrumental, memupuk pengalaman pembelajaran yang menyeluruh.

Pernyataan Etika

Kajian ini tidak menggunakan sebarang etika secara langsung.

Pernyataan KRediT Penulis

Robe'ah Yusuf: Penulis dan Pengkaji; Hedy C.Holzwarth: Pengkaji Bersama.



Penghargaan

Professor Dr Arndt Graf (Institut für Sprach- und Kulturwissenschaften, Goethe-Universität Frankfurt am Main, Deutschland)

Profesor Dr Abdul Rasid Jamian (Pesara)

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Azlina Mohd Sera'ai. (2009). Orientasi dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Sepanyol. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Clément, R., Dörnyei, Z., & Noels, K. A. (1994). Motivation, self-confidence, and group cohesion in the foreign language classroom. *Language Learning*, 44(3), 417-448.
- Csizer, K., & Dörnyei, Z. (2005). The internal structure of language learning motivation and its relationship with language choice and learning effort. *The Modern Language Journal*, 89(1), 19-36.
- Dörnyei, Z. (1990). Conceptualizing motivation in foreign-language learning. *Language Learning*, 40(1), 45-78.
- Dörnyei, Z., & Ushioda, E. (Eds.). (2009). *Motivation, Language Identity and the L2 Self*. Multilingual Matters.
- Gao, Y., Zhao, Y., Cheng, Y., & Zhou, Y. (2007). Relationship between English learning motivation types and self-identity changes among Chinese students. *TESOL Quarterly*, 41(1), 133-155.
- Gardner, R. C. (1985). *Social Psychology and Second Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. Edward Arnold.
- Gardner, R. C. (2001). Integrative motivation and second language acquisition. In Z. Dörnyei & R. Schmidt (Eds.), *Motivation and Second Language Acquisition* (pp. 1-19). University of Hawaii Press.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Newbury House.
- Gardner, R. C., & MacIntyre, P. D. (1991). An instrumental motivation in language study: Who says it isn't effective? *Studies in Second Language Acquisition*, 13(1), 57-72.
- Hofstede, G. (1987). *Culture's consequences: International differences in work-related values* (Vol. 1). Sage Publications.
- Lai, C. (2005). Motivation in foreign language learning: Exploring the relationships between classroom activities, motivation and language achievement. *Language Learning Journal*, 31(1), 33-50.
- Lai, H. Y. T. (2013). The motivation of learners of English as a foreign language revisited. *International Education Studies*, 6(10), 90-101.
- Lamb, M. (2004). Integrative motivation in a globalizing world. *System*, 32(1), 3-19.
- Mariyati M. Nor, Robe'ah Yusuf, & Norhana Salleh (2016). Influence of attitudes in learning foreign languages among students of Sultan Idris Education University (UPSI). *EFL Journal*, 1(2). <https://doi.org/10.21462/eflj.v1i2.10> [27]
- Masgoret, A. M., & Gardner, R. C. (2003). Attitudes, motivation, and second language learning: A meta-analysis of studies conducted by Gardner and associates. *Language Learning*, 53(S1), 123-163.
- Noels, K. A., Pelletier, L. G., Clément, R., & Vallerand, R. J. (2000). Why are you learning a second language? Motivational orientations and self-determination theory. *Language Learning*, 50(1), 57-85.
- Yashima, T. (2002). Willingness to communicate in a second language: The Japanese EFL context. *The Modern Language Journal*, 86 (1), 54-66.
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research and Applications: Design and Methods*. Sage Publications.
- Laman sesawang**
<https://www.kemdikbud.go.id>